

**ADVANCED INTERNATIONAL JOURNAL
OF BUSINESS, ENTREPRENEURSHIP
AND SMES
(AIJBES)**<https://gaexcellence.com/aijbess>**PERSEPSI MAHASISWA TERHADAP PERAKAUNAN
ZAKAT PENDAPATAN DI MALAYSIA: KAJIAN DI UiTM
PERLIS***STUDENTS' PERCEPTIONS OF INCOME ZAKAT ACCOUNTING IN
MALAYSIA: A STUDY AT UiTM PERLIS*

Marina Abu Bakar^{1*}, Syaimak Ismail @ Mat Yusoff², Nur Fatin Nabilah Shahrom³,
Nurliyana Mohd Talib⁴, Noraini Ismail⁵ & Nurul Farhana Yahaya⁶

¹Akademi Pengajian Islam Kontemporari, Universiti Teknologi MARA Perlis, Malaysia

 marinaab@uitm.edu.my

 <https://orcid.org/0000-0003-3442-0575>

²Akademi Pengajian Islam Kontemporari, Universiti Teknologi MARA Perlis, Malaysia

 syaimak@uitm.edu.my

 <https://orcid.org/0000-0001-9387-4740>

³Akademi Pengajian Islam Kontemporari, Universiti Teknologi MARA Perlis, Malaysia

 fatinnabilahshahrom@uitm.edu.my

 <https://orcid.org/0000-0002-1817-5429>

⁴Akademi Pengajian Islam Kontemporari, Universiti Teknologi MARA Perlis, Malaysia

 liyanatalib@uitm.edu.my

 <https://orcid.org/0000-0002-5731-5172>

⁵Akademi Pengajian Islam Kontemporari, Universiti Teknologi MARA Perlis, Malaysia

 noraini045@uitm.edu.my

 <https://orcid.org/0000-0001-5690-9692>

⁶Akademi Pengajian Islam Kontemporari, Universiti Teknologi MARA Perlis, Malaysia

 nfarhanay@uitm.edu.my

 <https://orcid.org/0009-0003-8149-3643>

*Corresponding Author

Article Info:**Article history:**

Received date: 15.06.2026

Revised date: 16.06.2026

Accepted date: 30.08.2026

Published date: 10.09.2026

Abstrak:

Zakat pendapatan merupakan tanggungjawab kewangan Islam yang memerlukan bukan sahaja kesedaran terhadap kewajipannya, tetapi juga kefahaman tentang cara pengiraan dan perakaunannya. Keperluan ini penting bagi mahasiswa yang bakal memasuki alam pekerjaan dan berpotensi menjadi pembayar zakat pendapatan. Namun, kajian berkaitan mahasiswa lebih banyak tertumpu kepada literasi zakat secara umum, bantuan zakat dan pengurusan institusi, sedangkan kefahaman tentang aspek perakaunan zakat pendapatan masih kurang diterokai. Kajian ini bertujuan meneliti tahap pengetahuan, persepsi dan sikap mahasiswa terhadap zakat pendapatan dan perakaunan zakat, menganalisis cabaran pemahaman, membandingkan tahap pengetahuan

To cite this document:

Bakar. M. A., Yusoff, S. I. M., Shahrom, N. F. N., Talib, N. M., Ismail, N., & Yahaya, N. F. (2026). Persepsi Mahasiswa Terhadap Perakaunan Zakat Pendapatan di Malaysia: Kajian Di UiTM Perlis. *Advanced International Journal of Business Entrepreneurship and SMEs*, 8 (29), 184-209.

berdasarkan pendedahan kepada kursus berkaitan zakat, menguji hubungan antara persepsi dengan sikap, serta menilai langkah penambahbaikan literasi zakat. Kajian kuantitatif ini menggunakan reka bentuk tinjauan keratan rentas melibatkan 30 mahasiswa UiTM Cawangan Perlis yang dipilih melalui persampelan mudah. Data dikumpulkan melalui soal selidik berstruktur dan dianalisis menggunakan statistik deskriptif, Cronbach's alpha, ujian t sampel bebas dan korelasi Pearson. Hasil kajian menunjukkan bahawa pengetahuan responden berada pada tahap sederhana ($\text{min} = 3.16$), manakala persepsi terhadap perakaunan zakat ($\text{min} = 4.19$) dan sikap terhadap amalan zakat ($\text{min} = 4.15$) berada pada tahap tinggi. Cabaran pemahaman pula berada pada tahap sederhana. Mahasiswa yang pernah mengikuti kursus berkaitan zakat mencatatkan tahap pengetahuan yang lebih tinggi berbanding mereka yang tidak pernah mengikutinya, $t(28) = 3.39$, $p = .002$, dengan saiz kesan yang besar (Cohen's $d = 1.25$). Persepsi terhadap perakaunan zakat juga mempunyai hubungan positif yang kuat dengan sikap terhadap amalan zakat pendapatan ($r = .769$, $p < .001$). Responden turut menunjukkan sokongan yang tinggi terhadap latihan pengiraan, penggunaan aplikasi digital, peningkatan pendedahan pendidikan dan kerjasama dengan institusi zakat. Secara keseluruhannya, dapatan menunjukkan bahawa penerimaan yang positif terhadap zakat belum semestinya disertai penguasaan teknikal yang setara. Oleh itu, pendidikan zakat di universiti perlu memberi penekanan yang lebih besar kepada pembelajaran berbentuk praktikal dan aplikasi bagi menyediakan mahasiswa melaksanakan tanggungjawab zakat dengan lebih yakin apabila memasuki alam pekerjaan.

DOI: 10.35631/AIJBES.829011

Kata Kunci:

Literasi Zakat, Pendidikan Zakat, Perakaunan Zakat, Persepsi Mahasiswa, UiTM Perlis, Zakat Pendapatan

Abstract:

Income zakat is an Islamic financial obligation that requires not only awareness of its religious duty but also an understanding of how it is calculated and accounted for. This is particularly important for university students who will soon enter the workforce and may become future income zakat payers. However, studies involving university students have largely focused on general zakat literacy, zakat assistance, and institutional zakat management, while understanding of income zakat accounting remains relatively underexplored. Accordingly, this study examines students' levels of knowledge, perceptions, and attitudes towards income zakat and zakat accounting, analyses the challenges they face in understanding income zakat, compares knowledge levels based on exposure to zakat related courses, tests the relationship between perceptions and attitudes, and evaluates measures to strengthen zakat literacy. This quantitative study employed a cross-sectional survey involving 30 students from UiTM Perlis Branch selected through convenience sampling. Data were collected using a structured questionnaire and analysed through descriptive statistics, Cronbach's alpha, an independent samples t test, and Pearson correlation. The findings show that respondents' knowledge was at a moderate level ($\text{mean} = 3.16$), while their perceptions of zakat accounting ($\text{mean} = 4.19$) and attitudes towards zakat practices ($\text{mean} = 4.15$) were high. The level of challenges in understanding income

zakat was also moderate. Students who had attended zakat related courses recorded a significantly higher level of knowledge than those who had not, $t(28) = 3.39$, $p = .002$, with a large effect size (Cohen's $d = 1.25$). Perceptions of zakat accounting were also strongly and positively associated with attitudes towards income zakat practices ($r = .769$, $p < .001$). Respondents further expressed strong support for practical calculation training, the use of digital applications, greater educational exposure, and collaboration with zakat institutions. Overall, the findings suggest that positive acceptance of zakat is not necessarily accompanied by an equally strong command of its technical aspects. Therefore, zakat education at universities should place greater emphasis on practical and application-based learning to better prepare students to fulfil their zakat responsibilities with confidence when they enter the workforce.



© The authors (2026). This is an Open Access article distributed under the terms of the Creative Commons Attribution (CC BY NC) (<http://creativecommons.org/licenses/by-nc/4.0/>), which permits non-commercial re-use, distribution, and reproduction in any medium, provided the original work is properly cited. For commercial re-use, please contact aijb@gaexcellence.com

Keyword:

Income Zakat, Student Perception, UiTM Perlis, Zakat Accounting, Zakat Education, Zakat Literacy

Pengenalan

Zakat merupakan salah satu kewajipan dalam Islam yang mempunyai fungsi agama, ekonomi dan sosial. Selain menjadi ibadah yang wajib ditunaikan oleh Muslim yang memenuhi syarat, zakat turut berperanan dalam pengagihan semula kekayaan dan membantu meningkatkan kesejahteraan masyarakat (Priyatna, 2018; Mustafa, 2021). Dalam perkembangan ekonomi semasa, pendapatan melalui pekerjaan dan profesion menjadi antara sumber kewangan utama individu. Keadaan ini menjadikan zakat pendapatan semakin penting dalam sistem zakat kontemporari, bukan sahaja sebagai suatu kewajipan agama tetapi juga sebagai instrumen yang menyumbang kepada pembangunan sosioekonomi umat Islam (Nasir et al., 2021; Mohamad et al., 2022).

Pelaksanaan zakat pendapatan memerlukan kefahaman yang melangkaui pengetahuan tentang kewajipannya. Seseorang pembayar juga perlu mengetahui perkara asas seperti kadar zakat, nisab dan kaedah pengiraan bagi menentukan jumlah zakat yang perlu ditunaikan. Dalam hal ini, perakaunan zakat menyediakan kaedah yang lebih tersusun untuk membantu proses pengiraan dan pelaporan zakat. Tajuddin (2017) menjelaskan bahawa perakaunan zakat penting bagi menentukan jumlah zakat berdasarkan kategori harta dan kaedah pengiraan yang ditetapkan. Amalan perakaunan yang baik juga dapat menyokong ketelusan dan akauntabiliti dalam pengurusan zakat (Salleh et al., 2023; Ghani et al., 2023).

Kefahaman terhadap zakat pendapatan menjadi lebih penting dalam konteks mahasiswa kerana mereka merupakan antara kelompok yang bakal memasuki alam pekerjaan dan seterusnya berpotensi menjadi pembayar zakat. Persediaan sebelum memasuki alam pekerjaan bukan sekadar melibatkan pengetahuan mengenai kewajipan zakat, tetapi juga keupayaan memahami bagaimana zakat pendapatan ditentukan dan dikira. Walau bagaimanapun, kajian terdahulu menunjukkan bahawa tahap literasi kewangan dan zakat dalam kalangan mahasiswa masih mempunyai ruang untuk dipertingkatkan. Tahap tersebut boleh dipengaruhi oleh pendidikan, pengalaman dan pendedahan terhadap pengetahuan berkaitan kewangan Islam (Yakob et al.,

2015; Murugiah, 2018; Kader et al., 2024). Literasi zakat juga didapati mempunyai kaitan dengan kecenderungan seseorang untuk menunaikan zakat (Mazlan & Shahimi, 2022; Canggih & Indrarini, 2021).

Walaupun kajian mengenai zakat semakin berkembang, masih terdapat jurang yang jelas dalam konteks mahasiswa dan perakaunan zakat pendapatan. Sebahagian kajian terdahulu mengenai mahasiswa lebih tertumpu kepada bantuan zakat pendidikan, pengurusan zakat di universiti, kepuasan penerima dan persepsi terhadap institusi zakat (Othman & Hakim, 2023; Hashim et al., 2024; Tarmuji et al., 2025). Masih kurang tumpuan kajian yang diberikan kepada sejauh mana mahasiswa memahami aspek pengiraan dan perakaunan zakat pendapatan. Pada masa yang sama, masih kurang bukti empirikal yang menjelaskan sama ada mahasiswa yang pernah mendapat pendedahan melalui kursus berkaitan zakat mempunyai tahap pengetahuan yang berbeza daripada mereka yang tidak pernah mengikuti kursus tersebut. Hubungan antara persepsi mahasiswa terhadap kepentingan perakaunan zakat dengan sikap mereka terhadap amalan zakat pendapatan juga masih memerlukan kajian lanjut.

Jurang ini penting kerana penerimaan yang positif terhadap zakat tidak semestinya bermaksud seseorang mempunyai pengetahuan yang mencukupi untuk mengira dan melaksanakannya dengan betul. Mahasiswa mungkin memahami kepentingan zakat dan menunjukkan kesediaan untuk menunaikannya apabila bekerja, tetapi pada masa yang sama masih menghadapi kesukaran memahami nisab, kadar atau kaedah pengiraan zakat pendapatan. Oleh itu, pengetahuan, persepsi dan sikap perlu dilihat sebagai konstruk yang berkaitan tetapi berbeza. Dalam kajian ini, pengetahuan merujuk kepada kefahaman mahasiswa mengenai konsep dan asas pengiraan zakat pendapatan. Persepsi merujuk kepada pandangan mahasiswa terhadap kepentingan perakaunan zakat, manakala sikap menggambarkan kecenderungan mereka terhadap pembelajaran dan amalan zakat pendapatan. Literasi zakat pula digunakan dalam pengertian yang lebih luas, iaitu keupayaan memahami dan menggunakan pengetahuan berkaitan zakat dalam situasi sebenar.

Berdasarkan jurang tersebut, kajian ini bertujuan mengenal pasti tahap pengetahuan, persepsi dan sikap mahasiswa terhadap zakat pendapatan dan perakaunan zakat, menganalisis cabaran yang dihadapi mahasiswa dalam memahami zakat pendapatan, membandingkan tahap pengetahuan antara mahasiswa yang pernah mengikuti kursus berkaitan zakat dengan mahasiswa yang tidak pernah mengikutinya, menganalisis hubungan antara persepsi terhadap perakaunan zakat pendapatan dengan sikap mahasiswa terhadap amalan zakat pendapatan, serta menilai langkah penambahbaikan yang diperlukan bagi memperkukuh literasi zakat pendapatan dalam kalangan mahasiswa.

Sorotan Literatur

Konsep Zakat Pendapatan dan Perakaunan Zakat

Zakat ialah kewajipan ke atas harta yang telah memenuhi ketentuan syarak untuk disalurkan kepada golongan asnaf yang berhak menerimanya. Dalam perkembangan ekonomi semasa, sumber pendapatan individu tidak lagi tertumpu kepada bentuk kekayaan tradisional seperti pertanian, ternakan atau perniagaan, tetapi semakin banyak diperoleh melalui pekerjaan dan profesion. Al Qaradawi (1999) menghubungkan pendapatan daripada pekerjaan dengan konsep *al-mal al-mustafad*, manakala al Zuhayli (2002) membincangkan kewajipan zakat terhadap bentuk pendapatan yang berkembang dalam struktur ekonomi kontemporari. Perbincangan

kontemporari mengenai zakat pendapatan turut menunjukkan bahawa pelaksanaannya perlu mengambil kira persoalan nisab, kadar dan kaedah pengiraan yang sesuai (Wahid & Hamdani, 2021; Jamal, 2022; Musanna et al., 2024; Saprida et al., 2025).

Dalam konteks Malaysia, zakat pendapatan telah menjadi sebahagian daripada amalan pengurusan zakat dan dilaksanakan melalui institusi zakat negeri. Kajian Nasir et al. (2021) dan Mohamad et al. (2022) menunjukkan bahawa kefahaman agama dan kesedaran terhadap tanggungjawab sosial mempunyai kaitan dengan amalan pembayaran zakat pendapatan. Hal ini menunjukkan bahawa pematuan terhadap zakat bukan hanya berkaitan dengan kemampuan kewangan, tetapi turut bergantung pada sejauh mana seseorang memahami kewajipan dan pelaksanaannya.

Salah satu aspek yang berkait rapat dengan pelaksanaan tersebut ialah perakaunan zakat. Tajuddin (2017) menjelaskan bahawa perakaunan zakat membantu menentukan asas dan jumlah zakat berdasarkan kategori harta serta kaedah pengiraan yang berkaitan. Dalam konteks institusi pula, sistem perakaunan yang teratur penting bagi memastikan kutipan, pengiktirafan, pelaporan dan agihan zakat dapat dilaksanakan dengan lebih telus dan bertanggungjawab (Abu Bakar, 2018; Salleh et al., 2023; Ghani et al., 2023). Kajian berkaitan piawaian perakaunan zakat turut menunjukkan kepentingan amalan pelaporan yang konsisten bagi meningkatkan kualiti tadbir urus institusi zakat (Septiarini, 2016; Hadi & Khaddafi, 2023; Hidayah et al., 2023; Kurniawan et al., 2025).

Walau bagaimanapun, perakaunan zakat dalam kajian ini bukannya dilihat semata-mata daripada perspektif pelaporan institusi. Fokus kajian adalah kepada kefahaman individu terhadap peranan perakaunan dalam menentukan dan mengira zakat pendapatan. Fokus ini penting kerana seseorang mungkin menerima zakat sebagai suatu kewajipan agama tetapi masih belum mempunyai pengetahuan yang mencukupi untuk menentukan jumlah zakat yang perlu dibayar.

Literasi Zakat dan Pengetahuan Mahasiswa

Literasi zakat merupakan konsep yang lebih luas daripada pengetahuan tentang hukum zakat semata-mata. Ia melibatkan kefahaman terhadap konsep, kaedah pengiraan, saluran pembayaran serta keupayaan menggunakan pengetahuan tersebut apabila seseorang berhadapan dengan kewajipan zakat. Dapatan kajian lepas memperlihatkan bahawa literasi zakat berkait rapat dengan sikap individu terhadap zakat serta kecenderungan mereka untuk menunaikannya (Canggih & Indrarini, 2021; Mazlan & Shahimi, 2022)

Dalam kajian ini, literasi zakat dan pengetahuan zakat tidak digunakan sebagai istilah yang sama. Pengetahuan merujuk secara khusus kepada kefahaman responden tentang maksud zakat pendapatan, kadar 2.5%, konsep nisab, asas pengiraan dan peranan perakaunan dalam pengiraan zakat. Perbezaan ini selari dengan instrumen kajian yang mengukur lima aspek tersebut melalui konstruk pengetahuan. Literasi zakat pula digunakan sebagai konsep yang lebih menyeluruh yang merangkumi kemampuan memahami dan menggunakan pengetahuan berkaitan zakat.

Perbezaan ini penting dalam konteks mahasiswa. Kajian mengenai literasi kewangan mahasiswa menunjukkan bahawa tahap pengetahuan kewangan dipengaruhi oleh pendidikan, pengalaman dan akses kepada maklumat (Yakob et al., 2015; Hussin & Rosli, 2019; Kader et

al., 2024). Murugiah (2018) dan Zahari dan Wahid (2020) turut menunjukkan bahawa literasi kewangan mempunyai kaitan dengan cara mahasiswa mengurus kewangan mereka. Oleh sebab zakat pendapatan merupakan sebahagian daripada tanggungjawab kewangan Islam, pendedahan pendidikan yang sesuai berpotensi membantu mahasiswa memahami aspek pengiraannya sebelum mereka memasuki alam pekerjaan.

Dalam konteks zakat secara khusus, Abd Rahim et al. (2021) mendapati bahawa mahasiswa mempunyai kefahaman asas berkaitan zakat tetapi masih memerlukan pendedahan yang lebih luas terhadap zakat harta dan zakat pendapatan. Al Bohari dan Ab Rahman (2025) pula menekankan kepentingan membentuk warga institusi pengajian tinggi yang celik zakat. Dapatan kajian terdahulu ini memberikan asas kepada kajian semasa untuk mengkaji sama ada pendedahan kepada kursus berkaitan zakat membezakan tahap pengetahuan mahasiswa.

Persepsi dan Sikap terhadap Zakat Pendapatan

Persepsi dan sikap merupakan dua konstruk yang berkaitan tetapi tidak membawa maksud yang sama. Dalam kajian ini, persepsi merujuk kepada penilaian mahasiswa terhadap kepentingan perakaunan zakat, termasuk peranannya dalam ketepatan pengiraan, ketelusan pembayaran dan pengurusan kewangan Islam. Sikap pula merujuk kepada kecenderungan mahasiswa terhadap pembelajaran dan amalan zakat, termasuk minat mempelajari zakat, kesediaan mengira zakat apabila bekerja dan kesediaan berkongsi pengetahuan berkaitan zakat. Pengasingan ini juga konsisten dengan item instrumen yang digunakan dalam kajian.

Kajian terdahulu menunjukkan bahawa persepsi mahasiswa terhadap zakat banyak dibincangkan daripada perspektif institusi. Othman dan Hakim (2023), misalnya, melaporkan persepsi positif mahasiswa terhadap peranan institusi pengurusan zakat, manakala Tarmuji et al. (2025) meneliti kepuasan mahasiswa terhadap pengurusan zakat di universiti. Ismail dan Ali (2021), Hashim et al. (2024) serta Hasbullah et al. (2024) pula menunjukkan bahawa tadbir urus, penyampaian maklumat dan keberkesanan institusi boleh mempengaruhi keyakinan warga universiti terhadap pengurusan zakat.

Dari sudut sikap, kajian terdahulu menunjukkan bahawa pengetahuan, kesedaran agama, motivasi dan persepsi terhadap institusi mempunyai kaitan dengan kecenderungan seseorang untuk menunaikan zakat (Fadhila, 2017; Sariningsih, 2019; Akmila et al., 2022; Darmawan, 2023; Hidayatullah & Asyari, 2023). Kajian tersebut memberikan petunjuk bahawa penerimaan kognitif terhadap zakat boleh berkait dengan kecenderungan seseorang terhadap amalannya. Namun demikian, kajian ini tidak mengukur niat pembayaran zakat secara langsung. Sebaliknya, hubungan yang diuji secara empirikal dalam kajian ini adalah lebih khusus, iaitu hubungan antara persepsi terhadap perakaunan zakat dengan sikap terhadap amalan zakat pendapatan.

Cabaran dalam Memahami Zakat Pendapatan

Kefahaman terhadap zakat pendapatan akan menjadi lebih mencabar apabila seseorang dikehendaki beralih daripada mengetahui kewajipannya kepada melakukan pengiraan sebenar zakat pendapatan. Antara perkara yang sering menimbulkan kekeliruan ialah nisab, haul, kadar zakat dan kaedah menentukan jumlah pendapatan yang tertakluk kepada zakat. Perubahan dalam bentuk pendapatan dan perkembangan instrumen kewangan semasa turut menjadikan

pendidikan zakat semakin memerlukan pendekatan yang bersifat praktikal (Shaarani et al., 2023; Mohamed et al., 2025).

Kajian terdahulu jelas menunjukkan bahawa masalah kefahaman bukanlah hanya berpunca daripada hukum atau istilah teknikal sahaja. Malah, penyampaian maklumat, komunikasi institusi dan akses kepada sumber yang mudah difahami turut memainkan peranan. Aziz et al. (2020) menunjukkan bahawa kefahaman mahasiswa terhadap prosedur zakat boleh dipengaruhi oleh penyampaian maklumat, manakala Zaki dan Ab Rahman (2019) menekankan kepentingan kefahaman penerima terhadap fungsi institusi zakat.

Dalam kajian ini, cabaran dinilai secara lebih khusus melalui kesukaran memahami pengiraan zakat pendapatan, kekeliruan tentang nisab, kekurangan pendedahan, kekurangan contoh praktikal dan kesukaran mengenal pasti sumber rujukan yang tepat. Oleh itu, analisis cabaran bukanlah sekadar mengenal pasti kelemahan pengetahuan, tetapi membantu menentukan bentuk intervensi pendidikan yang lebih sesuai dengan keperluan mahasiswa.

Pendidikan Zakat dan Pendekatan Digital

Pendidikan merupakan antara saluran penting untuk menghubungkan pengetahuan asas zakat dengan keupayaan mengaplikasikan zakat. Kajian Mohd Taher et al. (2022) menunjukkan kepentingan proses pendidikan terhadap hasil pembelajaran dalam konteks pelajar asnaf, manakala Aziz et al. (2022) pula mendapati bahawa tahap pendidikan mempunyai kaitan dengan pengetahuan mengenai bentuk zakat tertentu. Dapatan ini memberikan asas bahawa pendidikan zakat yang dirancang dengan baik berpotensi membantu meningkatkan kefahaman mahasiswa.

Pada masa yang sama, teknologi digital menyediakan ruang baharu untuk pendidikan dan pelaksanaan zakat. Kajian menunjukkan penerimaan yang semakin baik terhadap platform dan aplikasi digital berkaitan zakat, khususnya dalam kalangan generasi muda (Saro et al., 2023; Musta'a et al., 2023; Putri & Suwanan, 2025). Dalam konteks Malaysia, proses digitalisasi turut digunakan untuk meningkatkan kecekapan penyampaian perkhidmatan zakat (Saro et al., 2022; Iberahim et al., 2023; Nor et al., 2024).

Walau bagaimanapun, penggunaan teknologi tidak seharusnya dilihat sebagai penyelesaian secara automatik. Keperluannya perlu berpunca daripada masalah yang benar benar dialami oleh mahasiswa. Dalam kajian ini, cadangan penggunaan aplikasi digital dinilai bersama pendedahan pendidikan, bengkel pengiraan, kandungan zakat dalam silibus dan kerjasama dengan institusi zakat. Instrumen kajian memang mengukur kelima lima cadangan tersebut. Oleh itu, cadangan praktikal kajian boleh dikaitkan secara langsung dengan tahap sokongan responden terhadap setiap pendekatan tersebut.

Analisis Jurang Kajian

Sorotan literatur memperlihatkan perkembangan kajian zakat dalam pelbagai bidang, termasuk hukum zakat pendapatan, pematuhan pembayaran, literasi zakat, pengurusan institusi, perakaunan serta digitalisasi. Namun, tiga jurang utama dapat dikenal pasti dalam konteks kajian ini.

Pertama, kajian terhadap mahasiswa lebih banyak membincangkan bantuan zakat pendidikan, pengurusan zakat universiti dan persepsi terhadap institusi zakat, sedangkan pengetahuan mahasiswa tentang aspek pengiraan dan perakaunan zakat pendapatan kurang diberikan perhatian. Jurang yang sama sebenarnya telah dikenal pasti dalam manuskrip semasa.

Kedua, literatur menunjukkan kepentingan pendidikan dan pendedahan dalam membentuk literasi kewangan dan zakat, tetapi masih kurang bukti dalam konteks kajian ini mengenai perbezaan tahap pengetahuan antara mahasiswa yang pernah mengikuti kursus berkaitan zakat dengan mereka yang tidak pernah mengikutinya. Persoalan ini penting kerana pendedahan pendidikan boleh memberikan petunjuk awal tentang peranan pembelajaran formal dalam membentuk pengetahuan zakat.

Ketiga, kajian terdahulu banyak menghubungkan pengetahuan, keagamaan, motivasi atau persepsi institusi dengan niat dan tingkah laku pembayaran zakat. Sebaliknya, hubungan yang lebih khusus antara persepsi terhadap perakaunan zakat pendapatan dengan sikap mahasiswa terhadap amalan zakat pendapatan masih kurang diterokai dalam konteks pendidikan tinggi.

Berdasarkan jurang tersebut, kajian ini tidak menilai pengetahuan, persepsi, sikap dan literasi zakat sebagai konstruk yang sama. Sebaliknya, kajian ini menilai pengetahuan, persepsi dan sikap secara berasingan sebelum mengkaji perbezaan pengetahuan berdasarkan pendedahan kursus dan hubungan antara persepsi dengan sikap. Pendekatan ini membolehkan kajian ini dapat memberikan gambaran yang lebih khusus tentang jurang antara mengetahui, menerima dan bersedia mengamalkan zakat pendapatan dalam kalangan responden mahasiswa UiTM Cawangan Perlis.

Metodologi Kajian

Reka Bentuk Kajian

Kajian ini menggunakan kaedah kuantitatif melalui tinjauan keratan rentas bagi mendapatkan gambaran tentang pengetahuan, persepsi, sikap dan cabaran mahasiswa berkaitan zakat pendapatan serta pandangan mereka terhadap langkah penambahbaikan. Reka bentuk kuantitatif membolehkan data yang diperoleh diterjemahkan kepada skor berangka dan dianalisis secara statistik bagi mengenal pasti pola, membuat perbandingan serta menguji hubungan antara pemboleh ubah yang dikaji (Creswell & Creswell, 2018; Sekaran & Bougie, 2020).

Kajian ini turut melibatkan analisis deskriptif dan inferensi. Analisis deskriptif digunakan untuk menggambarkan tahap pengetahuan, persepsi, sikap, cabaran dan cadangan penambahbaikan. Analisis inferensi pula memberi tumpuan kepada dua perkara yang sejajar dengan objektif kajian, iaitu perbezaan tahap pengetahuan berdasarkan pendedahan kepada kursus berkaitan zakat dan hubungan antara persepsi terhadap perakaunan zakat pendapatan dengan sikap terhadap amalan zakat pendapatan.

Responden dan Kaedah Persampelan

Kajian ini melibatkan seramai 30 orang mahasiswa UiTM Cawangan Perlis yang memberikan respons lengkap terhadap soal selidik. Pemilihan responden dibuat menggunakan persampelan mudah (*convenience sampling*) berdasarkan kebolehcapaian responden dan kesediaan mereka

untuk mengambil bahagian dalam kajian. Kaedah ini digunakan bagi membolehkan data diperoleh daripada kumpulan sasaran dalam tempoh pengumpulan data yang ditetapkan.

Daripada keseluruhan responden, 17 orang pernah mengikuti kursus atau topik berkaitan zakat dan perakaunan Islam, manakala 13 orang tidak pernah mengikuti kursus tersebut. Pengelasan ini digunakan untuk membandingkan tahap pengetahuan antara kedua-dua kumpulan melalui ujian t sampel bebas.

Kaedah Pengumpulan Data dan Instrumen Kajian

Data dikumpulkan menggunakan soal selidik berstruktur yang diedarkan secara talian melalui *Google Form*. Penggunaan soal selidik membolehkan maklumat diperoleh secara seragam daripada responden dan memudahkan proses pengkodan serta analisis statistik (Chua, 2021).

Instrumen kajian dibahagikan kepada dua bahagian. Bahagian A merupakan maklumat latar belakang responden, termasuk jantina, umur, tahap pengajian, pengalaman mengikuti kursus atau topik berkaitan zakat dan perakaunan Islam serta pengalaman membuat pengiraan zakat pendapatan. Bahagian B pula mengandungi 25 item yang dibahagikan kepada lima konstruk, iaitu pengetahuan, persepsi, sikap, cabaran dan cadangan penambahbaikan. Setiap konstruk mengandungi lima item. Semua item dalam Bahagian B dinilai menggunakan skala Likert lima mata daripada 1 = Sangat Tidak Setuju hingga 5 = Sangat Setuju. Skor bagi item dalam konstruk yang sama digabungkan untuk menghasilkan skor konstruk yang digunakan dalam analisis seterusnya. Jadual 1 mewakili item soal selidik mengikut konstruk kajian.

Jadual 1: Item Soal Selidik Mengikut Konstruk Kajian

Konstruk	Kod Item	Pernyataan Item
Pengetahuan	P1	Saya memahami maksud zakat pendapatan.
	P2	Saya mengetahui kadar zakat pendapatan adalah 2.5%.
	P3	Saya memahami konsep nisab dalam zakat pendapatan.
	P4	Saya mengetahui asas pengiraan zakat pendapatan.
	P5	Saya memahami peranan perakaunan dalam pengiraan zakat pendapatan.
Persepsi	PR1	Perakaunan zakat membantu memastikan pengiraan zakat tepat.
	PR2	Perakaunan zakat penting untuk ketelusan pembayaran zakat.
	PR3	Pengetahuan zakat pendapatan penting bagi setiap Muslim.
	PR4	Perakaunan zakat membantu pengurusan kewangan Islam yang lebih baik.
	PR5	Ilmu zakat pendapatan perlu dipelajari oleh pelajar universiti.

Konstruk	Kod Item	Pernyataan Item
Sikap	S1	Saya sedar zakat pendapatan adalah tanggungjawab penting.
	S2	Saya berminat untuk belajar tentang zakat pendapatan.
	S3	Saya akan mengira zakat pendapatan apabila bekerja nanti.
	S4	Saya percaya kesedaran pelajar tentang zakat masih rendah.
	S5	Saya bersedia berkongsi ilmu zakat dengan orang lain.
Cabaran	C1	Saya sukar memahami kaedah pengiraan zakat pendapatan.
	C2	Istilah zakat seperti nisab agak mengelirukan.
	C3	Kurangnya pendedahan menyebabkan saya kurang faham.
	C4	Contoh praktikal zakat pendapatan tidak mencukupi.
	C5	Saya tidak tahu sumber rujukan yang tepat tentang zakat.
Cadangan Penambahbaikan	CP1	UiTM perlu menyediakan lebih banyak pendedahan tentang zakat.
	CP2	Bengkel pengiraan zakat perlu diadakan kepada mahasiswa.
	CP3	Aplikasi digital boleh membantu memahami zakat pendapatan.
	CP4	Silibus pengajian perlu memasukkan topik zakat pendapatan.
	CP5	Kerjasama dengan institusi zakat perlu diperkukuh.

Sumber: Pengkaji (2026)

Kaedah Penganalisan Data

Data dianalisis menggunakan *Statistical Package for the Social Sciences* (SPSS). Analisis dilakukan dalam beberapa peringkat mengikut objektif kajian.

Pertama, 193adangan193 deskriptif yang melibatkan kekerapan, peratusan, min dan sisihan piawai digunakan untuk menghuraikan profil responden serta menentukan tahap pengetahuan, persepsi, sikap, cabaran dan 193adangan penambahbaikan. Skor min ditafsirkan kepada tiga tahap, iaitu rendah bagi skor 1.00 hingga 2.33, sederhana bagi skor 2.34 hingga 3.67 dan tinggi bagi skor 3.68 hingga 5.00 (Chua, 2021) seperti dalam Jadual 2.

Jadual 2: Interpretasi Skor Min

Julat Min	Tahap
1.00 – 2.33	Rendah
2.34 – 3.67	Sederhana
3.68 – 5.00	Tinggi

Sumber: Chua (2021)

Kedua, ujian t sampel bebas digunakan untuk membandingkan skor pengetahuan antara mahasiswa yang pernah mengikuti kursus berkaitan zakat dengan mahasiswa yang tidak pernah mengikutinya. Analisis ini dipilih kerana kajian membandingkan min skor pengetahuan bagi dua kumpulan responden yang bebas. Sebelum keputusan ujian t ditafsirkan, andaian yang berkaitan, termasuk kesamaan varians melalui *Levene's Test*, diperiksa. Keputusan ujian t dilaporkan berdasarkan min, sisihan piawai, nilai t , darjah kebebasan (df) dan nilai p , manakala Cohen's d digunakan untuk menilai saiz kesan perbezaan antara kedua-dua kumpulan. Interpretasi kekuatan korelasi adalah berdasarkan Cohen (1988) dalam Jadual 3:

Jadual 3: Interpretasi Kekuatan Korelasi

Nilai r	Interpretasi
0.10 – 0.29	Lemah
0.30 – 0.49	Sederhana
0.50 – 1.00	Kuat

Sumber: Cohen (1988)

Ketiga, korelasi Pearson digunakan untuk menilai arah dan kekuatan hubungan antara persepsi terhadap perakaunan zakat pendapatan dengan sikap terhadap amalan zakat pendapatan. Nilai pekali korelasi yang positif menunjukkan bahawa peningkatan dalam satu konstruk berlaku seiring dengan peningkatan dalam konstruk yang lain, manakala magnitud pekali menunjukkan kekuatan hubungan tersebut. Aras keertian statistik bagi analisis inferensi ditetapkan pada $p < .05$. Manakala, penjajaran antara objektif dan kaedah analisis diringkaskan seperti mana dalam Jadual 4.

Jadual 4: Penjajaran Antara Objektif Dan Kaedah Analisis

Objektif Kajian	Kaedah Analisis
Mengenal pasti tahap pengetahuan, persepsi dan sikap	Statistik deskriptif
Menganalisis cabaran memahami zakat pendapatan	Statistik deskriptif
Membandingkan pengetahuan berdasarkan pendedahan kursus	Ujian t sampel bebas
Menganalisis hubungan persepsi dengan sikap	Korelasi Pearson
Menilai langkah penambahbaikan	Statistik deskriptif

Sumber: Pengkaji (2026)

Hipotesis Kajian

Bagi analisis inferensi, dua hipotesis alternatif dibentuk berdasarkan objektif kajian:

H1: Terdapat perbezaan yang signifikan dalam tahap pengetahuan tentang zakat pendapatan antara mahasiswa yang pernah mengikuti kursus berkaitan zakat dengan mahasiswa yang tidak pernah mengikutinya.

H2: Terdapat hubungan positif yang signifikan antara persepsi terhadap perakaunan zakat pendapatan dengan sikap mahasiswa terhadap amalan zakat pendapatan.

Kesahan dan Kebolehpercayaan Kajian

Kesahan Instrumen

Kesahan instrumen merujuk kepada sejauh mana sesuatu instrumen dapat mengukur perkara yang sepatutnya diukur (Creswell & Creswell, 2018). Bagi memastikan kesahan kandungan (*content validity*), item-item soal selidik dibangunkan berdasarkan sorotan literatur yang berkaitan dengan zakat pendapatan, perakaunan zakat, literasi zakat dan persepsi mahasiswa. Selain itu, item-item soal selidik turut disemak dari aspek kesesuaian bahasa, kejelasan dan keselarasan dengan objektif kajian sebelum diedarkan kepada responden.

Kebolehpercayaan Instrumen

Kebolehpercayaan merujuk kepada tahap konsistensi sesuatu instrumen dalam mengukur konstruk yang sama secara berulang (Sekaran & Bougie, 2020). Dalam kajian ini, kebolehpercayaan instrumen diuji menggunakan analisis Cronbach's Alpha. Hair et al. (2022) menetapkan nilai Cronbach's Alpha melebihi 0.70 sebagai tahap yang boleh diterima. Analisis kajian ini mendapati nilai bagi semua konstruk melebihi 0.80 dalam Jadual 4, sekaligus menunjukkan konsistensi dalaman yang baik. Nilai yang diperoleh memperlihatkan konsistensi dalaman yang baik bagi instrumen kajian, sekaligus menyokong penggunaannya dalam proses analisis.

Jadual 4: Nilai Cronbach's Alpha Bagi Konstruk Kajian

Konstruk	Cronbach's Alpha
Pengetahuan	0.813
Persepsi	0.894
Sikap	0.857
Cabaran	0.895
Cadangan Penambahbaikan	0.851

Sumber: Pengkaji (2026)

Dapatan dan Perbincangan

Profil Responden

Kajian ini melibatkan seramai 30 orang mahasiswa UiTM Cawangan Perlis. Daripada jumlah tersebut, 22 orang atau 73.3 peratus ialah perempuan dan 8 orang atau 26.7 peratus ialah lelaki. Dari segi umur, majoriti responden berumur antara 18 hingga 20 tahun, diikuti kumpulan berumur 21 hingga 23 tahun dan seorang responden berumur 24 tahun ke atas.

Dari sudut pendedahan pendidikan berkaitan zakat, 17 orang responden atau 56.7 peratus pernah mengikuti kursus atau topik berkaitan zakat dan perakaunan Islam, manakala 13 orang atau 43.3 peratus tidak pernah mengikuti kursus tersebut. Walaupun semua responden mengetahui bahawa pendapatan boleh dikenakan zakat, hanya 8 orang atau 26.7 peratus pernah membuat pengiraan zakat pendapatan, manakala 22 orang atau 73.3 peratus belum pernah melakukannya.

Pola ini memperlihatkan perbezaan antara kesedaran umum terhadap zakat pendapatan dengan pengalaman mengaplikasikan pengiraannya. Dapatan ini mempunyai persamaan dengan kajian Abd Rahim et al. (2021), yang mendapati bahawa mahasiswa mempunyai kefahaman asas mengenai zakat tetapi masih memerlukan pendedahan yang lebih meluas terhadap zakat harta dan zakat pendapatan. Dapatan ini juga selari dengan kajian Yakob et al. (2015) dan Murugiah (2018) mengenai literasi kewangan mahasiswa. Justeru, dapat dirumuskan bahawa kesedaran terhadap sesuatu tanggungjawab kewangan tidak semestinya disertai dengan kebolehan untuk melaksanakannya dalam situasi sebenar. Oleh itu, dalam konteks zakat pendapatan, aspek praktikal seperti pengiraan perlu diberi perhatian selain pengetahuan mengenai kewajipannya.

Tahap Pengetahuan, Persepsi dan Sikap Mahasiswa Terhadap Zakat Pendapatan

Tahap pengetahuan mahasiswa tentang zakat pendapatan berada pada tahap sederhana dengan nilai min 3.16 dan sisihan piawai 0.67 seperti dalam Jadual 5. Konstruk ini mengukur kefahaman responden terhadap maksud zakat pendapatan, kadar zakat 2.5 peratus, konsep nisab, asas pengiraan dan peranan perakaunan dalam proses pengiraan zakat.

Jadual 5: Tahap Pengetahuan Mahasiswa tentang Zakat Pendapatan

Konstruk	Min	SP	Tahap
Pengetahuan	3.16	0.67	Sederhana

Sumber: Pengkaji (2026)

Dapatan ini menunjukkan bahawa responden mempunyai pengetahuan asas mengenai zakat pendapatan, tetapi penguasaan mereka terhadap aspek teknikal masih belum menyeluruh. Hal ini penting kerana mengetahui kewajipan zakat dan mengetahui kadar 2.5 peratus tidak semestinya bermaksud seseorang individu itu mampu menentukan jumlah zakat yang perlu dibayar apabila mengambil kira nisab dan kaedah pengiraan yang digunakan.

Penemuan ini sejajar dengan kajian Abd Rahim et al. (2021), yang mendapati bahawa mahasiswa mempunyai asas kefahaman tentang zakat tetapi masih memerlukan pendedahan terhadap bentuk zakat yang lebih luas. Mazlan dan Shahimi (2022) pula menunjukkan bahawa literasi zakat mempunyai kaitan dengan kecenderungan individu terhadap pembayaran zakat, manakala Canggih dan Indrarini (2021) menekankan bahawa tahap literasi yang lebih baik dapat menyokong penerimaan terhadap kewajipan zakat.

Walau bagaimanapun, kajian ini memperluas literatur-literatur tersebut dengan menonjolkan satu aspek yang lebih khusus, iaitu jurang antara pengetahuan asas dengan penguasaan teknikal perakaunan zakat pendapatan. Dapatan ini memberi gambaran bahawa memahami hukum dan kadar zakat sahaja belum mencukupi. Mahasiswa juga perlu dibekalkan dengan kemahiran praktikal supaya pengetahuan tersebut dapat digunakan ketika membuat pengiraan zakat sebenar.

Pola yang sama dapat dilihat dalam kajian terdahulu, apabila pendidikan, pengalaman dan akses kepada maklumat dikenal pasti sebagai antara aspek yang berkait dengan literasi kewangan mahasiswa (Yakob et al., 2015; Murugiah, 2018; Hussin & Rosli, 2019; Kader et al., 2024). Secara keseluruhannya, kajian terdahulu dan kajian ini memberi gambaran bahawa pengetahuan kewangan Islam, termasuk zakat, memerlukan proses pembelajaran yang berterusan dan bersifat aplikasi.

Sementara itu, persepsi mahasiswa terhadap perakaunan zakat berada pada tahap tinggi dengan nilai min 4.19 dan sisihan piawai 0.61 seperti dalam Jadual 6. Responden secara umum mengiktiraf bahawa perakaunan zakat penting dalam memastikan ketepatan pengiraan, meningkatkan ketelusan pembayaran serta membantu pengurusan kewangan Islam secara lebih teratur.

Jadual 6: Persepsi Mahasiswa terhadap Perakaunan Zakat Pendapatan

Konstruk	Min	SP	Tahap
Persepsi	4.19	0.61	Tinggi

Sumber: Pengkaji (2026)

Tahap pengetahuan teknikal yang sederhana tidak menghalang responden daripada melihat perakaunan zakat sebagai aspek penting dalam pelaksanaan zakat. Hal ini memperlihatkan bahawa mahasiswa telah memahami nilai perakaunan dalam pelaksanaan zakat walaupun mereka belum sepenuhnya menguasai cara pengiraannya.

Penemuan ini seiring dengan kajian Othman dan Hakim (2023), yang melaporkan bahawa pemahaman mahasiswa terhadap fungsi institusi zakat berkait dengan pandangan yang lebih positif terhadap pengurusannya. Hashim et al. (2024) dan Hasbullah et al. (2024) turut menekankan bahawa ketelusan, tadbir urus dan pengurusan yang sistematik boleh membentuk keyakinan serta persepsi positif terhadap sistem zakat.

Di samping itu, dapatan kajian ini juga menunjukkan bahawa mahasiswa bukan sahaja menghargai peranan institusi, tetapi turut melihat aspek pengiraan dan ketelusan sebagai sebahagian penting dalam pelaksanaan zakat pendapatan. Perbezaan antara min pengetahuan yang sederhana dengan min persepsi yang tinggi turut memberi makna penting. Ia menunjukkan bahawa penerimaan terhadap kepentingan zakat boleh terbentuk lebih awal daripada penguasaan aspek teknikalnya. Dengan kata lain, mahasiswa mungkin sudah yakin bahawa zakat itu penting dan perlu diurus dengan baik, tetapi masih memerlukan latihan untuk melaksanakan pengiraan dengan tepat.

Bagi konstruk sikap, mahasiswa menunjukkan tahap yang tinggi terhadap amalan zakat pendapatan, dengan nilai min 4.15 dan sisihan piawai 0.65 seperti yang dipaparkan dalam Jadual 7. Responden menunjukkan kesedaran terhadap tanggungjawab zakat, minat untuk mempelajarinya, kesediaan melakukan pengiraan apabila bekerja serta kesediaan berkongsi pengetahuan berkaitan zakat.

Jadual 7: Sikap Mahasiswa Terhadap Amalan Zakat Pendapatan

Konstruk	Min	SP	Tahap
Sikap	4.15	0.65	Tinggi

Sumber: Pengkaji (2026)

Jika diteliti, dapatan ini adalah selari dengan kajian Hidayatullah dan Asyari (2023), yang menemui bahawa pengetahuan zakat, keagamaan dan pendedahan maklumat mempunyai kaitan dengan kecenderungan generasi muda terhadap pembayaran zakat. Akmila et al. (2022) pula menunjukkan bahawa motivasi filantropi berkaitan dengan kecenderungan mahasiswa untuk terlibat dalam zakat, infak dan sedekah. Kajian Fadhila (2017), Sariningsih (2019) dan

Darmawan (2023) turut menunjukkan bahawa pengetahuan dan kesedaran agama mempunyai kaitan dengan minat terhadap pelaksanaan zakat.

Menariknya, sikap responden terhadap zakat kekal tinggi meskipun penguasaan mereka terhadap aspek teknikal masih pada tahap sederhana. Dapatan ini memberi isyarat bahawa sikap terhadap zakat bukan semata-mata bergantung pada tahap pengetahuan. Nilai agama, persepsi terhadap kepentingan zakat, pengalaman pembelajaran dan faktor motivasi mungkin turut memainkan peranan.

Secara tuntasnya, ketiga tiga konstruk menunjukkan bahawa pengetahuan, persepsi dan sikap tidak semestinya berkembang pada kadar yang sama. Pengetahuan responden masih sederhana, sedangkan persepsi dan sikap sudah berada pada tahap tinggi. Hal ini turut membuktikan bahawa literasi zakat perlu dilihat sebagai sesuatu yang berlapis, merangkumi aspek mengetahui, memahami, menerima dan akhirnya mampu mengaplikasikan pengetahuan tersebut.

Cabaran dalam Memahami Zakat Pendapatan

Berdasarkan Jadual 8, mahasiswa berhadapan dengan cabaran pada tahap sederhana dalam memahami zakat pendapatan, dengan nilai min 3.37 dan sisihan piawai 0.77. Antara perkara yang dinilai ialah kesukaran memahami kaedah pengiraan zakat pendapatan, kekeliruan terhadap istilah seperti nisab, kekurangan pendedahan, kekurangan contoh praktikal dan kesukaran mendapatkan sumber rujukan yang tepat.

Jadual 8: Cabaran Dalam Memahami Zakat Pendapatan

Konstruk	Min	SP	Tahap
Cabaran	3.37	0.77	Sederhana

Sumber: Pengkaji (2026)

Dapatan ini mempunyai hubungan yang jelas dengan tahap pengetahuan yang sederhana serta menunjukkan bahawa cabaran utama mahasiswa bukanlah bergantung kepada tahap kesedaran sahaja, tetapi lebih tertumpu kepada cara pengetahuan zakat hendak diaplikasikan.

Malah, penemuan ini juga konsisten dengan kajian Mohamed et al. (2025), yang menekankan bahawa perkembangan isu zakat memerlukan pendidikan yang berterusan bagi membantu masyarakat memahami pelaksanaan semasa. Shaarani et al. (2023) juga mendapati bahawa masyarakat berhadapan dengan kesukaran memahami beberapa bentuk zakat kontemporari yang melibatkan aspek kewangan yang semakin kompleks. Selain itu, Aziz et al. (2020) dan Zaki dan Ab Rahman (2019) turut berpandangan bahawa kekurangan maklumat dan kefahaman terhadap prosedur berkaitan zakat boleh menjadi penghalang kepada tahap literasi yang lebih baik.

Hal ini menunjukkan bahawa masalah kefahaman zakat mahasiswa adalah lebih tertumpu kepada aplikasi. Oleh itu, pendekatan pendidikan yang hanya menerangkan definisi, dalil atau kewajipan zakat sahaja mungkin belum mencukupi. Mahasiswa perlu diberikan contoh pengiraan berdasarkan situasi pendapatan sebenar supaya konsep nisab, kadar dan jumlah zakat dapat difahami dalam konteks yang lebih nyata.

Perbezaan Tahap Pengetahuan Berdasarkan Pendedahan kepada Kursus Berkaitan Zakat Pendapatan

Seramai 17 responden berada dalam kumpulan yang pernah mengikuti kursus, manakala 13 responden tidak pernah mendapat pendedahan tersebut seperti dalam Jadual 9. Sebelum ujian *t* dijalankan, kesamaan varians antara kedua-dua kumpulan diperiksa menggunakan *Levene's Test*. Keputusan menunjukkan bahawa andaian kesamaan varians dipenuhi, $F = 0.573$, $p = .455$. Oleh itu, keputusan ujian *t* berdasarkan andaian *equal variances assumed* digunakan.

Jadual 9: Ujian *t* Sampel Bebas bagi Tahap Pengetahuan Berdasarkan Pendedahan kepada Kursus Berkaitan Zakat

Pendedahan Kursus	n	Min	SP	t	df	p	Cohen's d
Pernah mengikuti kursus	17	3.47	0.61	3.39	28	.002	1.25
Tidak pernah mengikuti kursus	13	2.75	0.52				

Sumber: Pengkaji (2026)

Mahasiswa yang pernah mengikuti kursus berkaitan zakat mencatatkan tahap pengetahuan yang lebih tinggi (min = 3.47, SP = 0.61) berbanding mahasiswa yang tidak pernah mengikuti kursus tersebut (min = 2.75, SP = 0.52). Perbezaan min sebanyak 0.72 adalah signifikan secara statistik, $t(28) = 3.39$, $p = .002$. Selang keyakinan 95 peratus bagi perbezaan min adalah antara 0.28 hingga 1.15. Oleh itu, hipotesis yang menyatakan bahawa terdapat perbezaan tahap pengetahuan berdasarkan pendedahan kepada kursus berkaitan zakat adalah tepat.

Manakala, nilai Cohen's $d = 1.25$ menunjukkan saiz kesan yang besar, sekali gus memperlihatkan bahawa perbezaan antara kedua-dua kumpulan adalah ketara dan bukan sekadar signifikan secara statistik. Dapatan ini juga bertepatan dengan kajian Hussin dan Rosli (2019) serta Kader et al. (2024), yang menemui bahawa pendidikan dan akses kepada maklumat merupakan faktor penting dalam pembentukan literasi kewangan mahasiswa. Kajian Yakob et al. (2015) turut menunjukkan bahawa pendedahan pendidikan mempunyai peranan dalam meningkatkan pengetahuan kewangan.

Dalam konteks zakat, dapatan ini mengukuhkan pandangan Abd Rahim et al. (2021) dan Al Bohari dan Ab Rahman (2025) tentang keperluan memperluas pendidikan zakat kepada warga institusi pengajian tinggi. Dari satu aspek, kajian ini menambah bukti empirikal bahawa mahasiswa yang pernah mendapat pendedahan melalui kursus berkaitan zakat mempunyai skor pengetahuan yang lebih tinggi berbanding mahasiswa yang tidak pernah menerima pendedahan tersebut. Justeru, dapat dirumuskan bahawa pendedahan kepada kursus berkaitan zakat berkait dengan tahap pengetahuan yang lebih tinggi dalam kalangan responden kajian.

Hubungan antara Persepsi terhadap Perakaunan Zakat dengan Sikap terhadap Amalan Zakat Pendapatan

Analisis korelasi Pearson pula menunjukkan terdapat hubungan positif yang kuat dan signifikan antara persepsi terhadap perakaunan zakat dengan sikap terhadap amalan zakat pendapatan, $r = .769$, $p < .001$ seperti dalam Jadual 10.

Jadual 10: Korelasi Pearson antara Persepsi dengan Sikap

Hubungan	r	p	Interpretasi
Persepsi dengan Sikap	.769	< .001	Kuat, positif dan signifikan

Sumber: Pengkaji (2026)

Justeru, dapat dirumuskan bahawa responden yang mempunyai persepsi lebih positif terhadap kepentingan perakaunan zakat cenderung menunjukkan sikap yang lebih positif terhadap pembelajaran dan amalan zakat pendapatan. Selain itu, dapatan ini turut mempunyai persamaan dengan dapatan kajian Djasman et al. (2024), iaitu persepsi mahasiswa terhadap literasi zakat adalah berkait dengan pengetahuan yang dimiliki. Ar'riziq dan Islamiah (2025) pula menemui bahawa persepsi terhadap bidang pengurusan zakat mempunyai hubungan dengan motivasi mahasiswa. Sementara, Hidayatullah dan Asyari (2023) serta Darmawan (2023) pula menemui bahawa pengetahuan, persepsi dan faktor dalaman mempunyai kaitan dengan kecenderungan terhadap pembayaran zakat.

Oleh yang demikian, kajian ini memperluas dapatan-dapatan terdahulu dengan menunjukkan hubungan yang lebih khusus antara persepsi terhadap fungsi perakaunan zakat dengan sikap terhadap amalan zakat pendapatan. Ini memberi gambaran bahawa apabila mahasiswa melihat pengiraan, ketepatan dan ketelusan zakat sebagai sesuatu yang penting, mereka juga cenderung menunjukkan penerimaan yang lebih positif terhadap pelaksanaannya.

Penilaian terhadap Langkah Penambahbaikan Literasi Zakat

Cadangan penambahbaikan mencatatkan nilai min 3.91 dan sisihan piawai 0.62, menunjukkan tahap persetujuan yang tinggi seperti dalam Jadual 11. Antara pendekatan yang dinilai ialah peningkatan pendedahan berkaitan zakat, bengkel pengiraan zakat, penggunaan aplikasi digital, penerapan topik zakat pendapatan dalam silibus serta kerjasama antara universiti dengan institusi zakat.

Jadual 11: Penilaian terhadap Langkah Penambahbaikan Literasi Zakat

Konstruk	Min	SP	Tahap
Cadangan Penambahbaikan	3.91	0.62	Tinggi

Sumber: Pengkaji (2026)

Pada asasnya, mahasiswa menunjukkan penerimaan yang positif terhadap zakat, tetapi mereka sendiri melihat keperluan kepada pendekatan pembelajaran yang lebih praktikal. Mohd Taher et al. (2022) dan Aziz et al. (2022) menunjukkan bahawa proses pendidikan mempunyai kaitan dengan peningkatan pengetahuan dalam konteks zakat. Dapatan ujian t dalam kajian ini turut memberikan sokongan kepada hujah tersebut apabila mahasiswa yang pernah mengikuti kursus zakat mencatatkan tahap pengetahuan yang lebih tinggi.

Sementara itu, sokongan terhadap penggunaan teknologi digital pula dilihat selari dengan Musta'a et al. (2023), Saro et al. (2023) serta Putri dan Suwanan (2025), yang merumuskan penerimaan generasi muda terhadap platform digital berkaitan zakat. Kajian Saro et al. (2022), Iberahim et al. (2023) dan Nor et al. (2024) turut menunjukkan bahawa digitalisasi boleh membantu dalam meningkatkan akses dan penyampaian perkhidmatan zakat.

Namun begitu, kajian ini menyumbang kepada satu implikasi yang lebih khusus berbanding dapatan-dapatan terdahulu. Oleh sebab masalah utama yang dikenal pasti adalah berkaitan dengan penguasaan teknikal, maka penggunaan teknologi dalam pendidikan zakat tidak seharusnya terhad kepada penyediaan kalkulator sahaja. Aplikasi pendidikan zakat boleh menggabungkan penerangan nisab, simulasi pendapatan, latihan pengiraan dan pautan kepada sumber yang berautoriti. Pendekatan ini lebih berpotensi merapatkan jurang antara pengetahuan asas dengan kebolehan mengaplikasikan zakat.

Rumusan Keseluruhan Dapatan Kajian

Secara keseluruhannya, kajian ini menunjukkan bahawa responden mempunyai persepsi dan sikap yang tinggi terhadap zakat pendapatan, tetapi pengetahuan teknikal mereka masih berada pada tahap sederhana. Cabaran pemahaman yang sederhana pula menguatkan gambaran bahawa isu utama bukan kekurangan penerimaan terhadap zakat, tetapi kekurangan keyakinan dan penguasaan dalam aspek aplikasi.

Dapatan-dapatan kajian terdahulu sering menunjukkan bahawa pengetahuan, pendidikan, persepsi, keagamaan dan motivasi berkaitan dengan kecenderungan terhadap zakat. Kajian ini menambah kepada literatur tersebut dengan menunjukkan bahawa dalam konteks mahasiswa, pengetahuan, persepsi dan sikap perlu dilihat sebagai dimensi yang berbeza. Persepsi dan sikap boleh berada pada tahap tinggi walaupun pengetahuan teknikal belum mencapai tahap yang sama.

Analisis inferensi turut memperkukuh hujah ini. Mahasiswa yang pernah mengikuti kursus berkaitan zakat mempunyai min pengetahuan 3.47 berbanding 2.75 bagi mereka yang tidak pernah mengikuti kursus. Perbezaan tersebut bukan sahaja signifikan secara statistik, $t(28) = 3.39$, $p = .002$, tetapi juga mempunyai saiz kesan yang besar, Cohen's $d = 1.25$. Ini memberi petunjuk bahawa pendedahan pendidikan merupakan aspek yang wajar diberi perhatian dalam usaha membangunkan literasi zakat mahasiswa.

Pada masa yang sama, hubungan yang kuat antara persepsi dan sikap, $r = .769$, $p < .001$, menunjukkan bahawa penerimaan terhadap fungsi perakaunan zakat berkait rapat dengan kecenderungan positif terhadap amalannya. Oleh itu, literasi zakat dalam konteks pendidikan tinggi boleh difahami melalui dua keperluan yang saling melengkapi, iaitu penguasaan teknikal melalui pendidikan dan pengukuhan persepsi serta sikap positif terhadap pelaksanaan zakat.

Sumbangan kajian ini terletak pada pengenalan jurang antara kesedaran dan aplikasi. Dalam konteks responden kajian, isu utama bukanlah untuk meyakinkan mahasiswa bahawa zakat itu penting kerana persepsi dan sikap mereka sudah tinggi. Cabaran yang lebih utama ialah membantu mereka bergerak daripada "tahu dan bersetuju" kepada "tahu cara melaksanakan". Oleh itu, pendidikan zakat di universiti perlu memberi penekanan kepada

latihan pengiraan, pembelajaran berasaskan kes, penggunaan aplikasi digital dan interaksi dengan institusi zakat.

Kesimpulan

Kajian ini meneliti pengetahuan, persepsi, sikap, cabaran serta keperluan penambahbaikan berkaitan zakat pendapatan dan perakaunan zakat dalam kalangan mahasiswa UiTM Cawangan Perlis. Secara keseluruhannya, pengetahuan responden tentang zakat pendapatan masih berada pada tahap sederhana (min = 3.16), sedangkan persepsi terhadap perakaunan zakat (min = 4.19) dan sikap terhadap amalannya (min = 4.15) menunjukkan tahap yang tinggi. Cabaran dalam memahami zakat pendapatan pula berada pada tahap sederhana, sedangkan tahap persetujuan terhadap langkah penambahbaikan adalah tinggi.

Dapatan ini mempamerkan bahawa penerimaan mahasiswa terhadap zakat adalah lebih positif berbanding tahap penguasaan teknikal mereka. Walaupun responden secara umum mengiktiraf kepentingan perakaunan zakat dan menunjukkan kesediaan untuk menunaikan zakat apabila mempunyai pendapatan, sebahagian daripada mereka masih memerlukan pemahaman yang lebih baik tentang perkara seperti nisab, kaedah pengiraan dan aplikasi zakat pendapatan. Perbezaan ini menunjukkan bahawa kesedaran terhadap zakat tidak semestinya disertai keupayaan untuk melaksanakan pengiraan dengan yakin dan tepat.

Analisis inferensi turut memberikan gambaran yang lebih jelas tentang peranan pendedahan pendidikan. Mahasiswa yang pernah mendapat pendedahan melalui kursus berkaitan zakat menunjukkan tahap pengetahuan yang lebih tinggi berbanding mereka yang tidak pernah mengikutinya, dengan perbezaan yang signifikan. Dapatan ini memberi petunjuk bahawa pendedahan pendidikan berkaitan zakat mempunyai nilai penting dalam membina pengetahuan mahasiswa. Pada masa yang sama, hubungan positif yang kuat antara persepsi terhadap perakaunan zakat dengan sikap terhadap amalan zakat menunjukkan bahawa mahasiswa yang melihat perakaunan zakat secara positif cenderung menunjukkan sikap yang lebih baik terhadap pembelajaran dan pelaksanaan zakat.

Dari sudut akademik, kajian ini menyumbang kepada literatur literasi zakat dengan menunjukkan bahawa pengetahuan, persepsi dan sikap merupakan dimensi yang berkaitan tetapi tidak semestinya berada pada tahap yang sama. Pengetahuan responden yang sederhana wujud bersama persepsi dan sikap yang tinggi. Dapatan ini memperluas perbincangan terdahulu yang sering mengaitkan pengetahuan atau literasi dengan kecenderungan pembayaran zakat dengan menunjukkan bahawa penerimaan positif boleh terbentuk walaupun penguasaan teknikal masih belum kukuh.

Kajian ini juga menambahkan dimensi perakaunan zakat pendapatan dalam perbincangan mengenai literasi zakat mahasiswa. Literatur terdahulu banyak memberi tumpuan kepada bantuan zakat pendidikan, pengurusan zakat universiti dan persepsi terhadap institusi, sedangkan aspek pengiraan dan perakaunan zakat pendapatan kurang diberikan perhatian. Dalam konteks tersebut, dapatan kajian ini menunjukkan bahawa literasi zakat bukan sekadar mengetahui hukum atau kewajipan zakat, tetapi turut melibatkan kemampuan menggunakan pengetahuan tersebut dalam situasi sebenar.

Dari sudut praktikal, hasil kajian menunjukkan bahawa program pendidikan zakat di universiti perlu memberi lebih ruang kepada pembelajaran yang berbentuk aplikasi. Antara pendekatan yang sesuai ialah bengkel pengiraan zakat, penggunaan kes pendapatan sebenar, simulasi pengiraan, penyediaan modul ringkas, penggunaan aplikasi digital serta sesi perkongsian bersama institusi zakat. Cadangan ini selari dengan sokongan tinggi responden terhadap peningkatan pendedahan zakat, bengkel pengiraan, aplikasi digital, pengukuhan silibus dan kerjasama dengan institusi zakat.

Institusi pengajian tinggi juga boleh mempertimbangkan untuk memperkenalkan pendidikan zakat asas kepada mahasiswa merentas bidang pengajian, bukan hanya kepada pelajar dalam bidang pengajian Islam. Langkah ini berpotensi menyediakan mahasiswa dengan pengetahuan yang diperlukan sebelum mereka memasuki alam pekerjaan dan menjadi pembayar zakat pendapatan.

Walau bagaimanapun, beberapa limitasi perlu diambil kira dalam mentafsir dapatan kajian ini. Pertama, kajian ini hanya melibatkan 30 orang mahasiswa UiTM Cawangan Perlis dan menggunakan kaedah persampelan mudah. Oleh itu, hasil kajian menggambarkan pengalaman dan pandangan responden yang terlibat sahaja dan tidak boleh digeneralisasikan kepada keseluruhan mahasiswa di Malaysia. Kedua, kajian menggunakan reka bentuk keratan rentas yang mengumpulkan data pada satu tempoh sahaja. Oleh itu, hubungan yang ditemui antara persepsi dengan sikap serta perbezaan pengetahuan berdasarkan pendedahan kursus tidak boleh ditafsirkan sebagai hubungan sebab akibat. Ketiga, data diperoleh melalui soal selidik sendiri. Jawapan responden mungkin dipengaruhi oleh persepsi diri dan kecenderungan untuk memberikan respons yang dianggap sesuai. Selain itu juga, kajian ini tidak menguji secara langsung keupayaan responden membuat pengiraan zakat sebenar. Oleh itu, skor pengetahuan lebih menggambarkan penilaian sendiri terhadap kefahaman dan bukan prestasi pengiraan yang diuji secara objektif. Keempat, kajian ini memberi tumpuan kepada lima konstruk utama sahaja, iaitu pengetahuan, persepsi, sikap, cabaran dan cadangan penambahbaikan. Faktor lain seperti keagamaan, latar belakang pendidikan agama, literasi kewangan Islam, pengalaman keluarga, pengaruh media sosial dan interaksi dengan institusi zakat tidak diuji dalam soal selidik kajian ini.

Berdasarkan limitasi yang disenaraikan, kajian lanjutan dicadangkan dengan melibatkan sampel yang lebih besar dan merangkumi pelbagai institusi pengajian tinggi di Malaysia bagi meningkatkan kebolehgunaan dapatan kajian. Kajian akan datang boleh menggunakan pendekatan campuran (*mixed methods*) dengan menggabungkan soal selidik dan temu bual bagi memahami dengan lebih mendalam faktor yang membentuk literasi zakat dalam kalangan mahasiswa. Selain itu, kajian lanjutan juga boleh difokuskan untuk mengkaji pengaruh faktor keagamaan, literasi kewangan Islam, penggunaan teknologi digital dan pengalaman berinteraksi dengan institusi zakat terhadap tahap kefahaman dan kecenderungan mahasiswa untuk membayar zakat. Kajian berkaitan keberkesanan aplikasi digital dan platform pendidikan zakat dalam meningkatkan literasi zakat generasi muda juga wajar diterokai memandangkan perkembangan teknologi yang semakin pesat pada masa kini.

Kesimpulannya, kajian ini membuktikan bahawa mahasiswa UiTM Cawangan Perlis mempunyai persepsi dan sikap yang positif terhadap perakaunan zakat pendapatan, namun masih memerlukan peningkatan dari aspek pengetahuan dan kefahaman teknikal. Justeru, usaha yang berterusan daripada institusi pengajian tinggi, institusi zakat dan pihak berkepentingan amat penting bagi memperkukuh literasi zakat dalam kalangan generasi muda

demi memastikan kelestarian sistem zakat sebagai instrumen pembangunan sosioekonomi umat Islam pada masa hadapan.

Penghargaan:	Penulis merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada Universiti Teknologi MARA (UiTM) Cawangan Perlis atas sokongan, kerjasama dan kemudahan yang diberikan sepanjang kajian ini dijalankan. Penghargaan turut ditujukan kepada para mahasiswa UiTM Cawangan Perlis yang telah meluangkan masa dan memberikan kerjasama sebagai responden kajian. Sumbangan yang diberikan amat dihargai dalam memastikan kejayaan pelaksanaan kajian ini.
Penyataan Pembiayaan:	Kajian ini tidak menerima sebarang pembiayaan.
Pernyataan Konflik Kepentingan:	Penulis mengisytiharkan bahawa tiada konflik kepentingan berkaitan penerbitan kertas kerja ini. Semua penulis telah menyumbang kepada kajian ini dan telah meluluskan versi akhir manuskrip untuk penyerahan kepada Advanced International Journal of Business, Entrepreneurship and SMEs (AIJBES).
Pernyataan Etika:	Kajian ini telah dijalankan selaras dengan prinsip integriti akademik dan etika penyelidikan. Semua responden telah dimaklumkan mengenai tujuan kajian sebelum soal selidik diedarkan. Persetujuan bermaklumat telah diperoleh daripada semua responden sebelum pengumpulan data dijalankan. Penyertaan adalah secara sukarela, dan responden telah dijamin kerahsiaan serta anonimitas. Data yang dikumpulkan digunakan semata-mata bagi tujuan akademik.
Pernyataan Sumbangan Penulis:	Marina Abu Bakar bertanggungjawab terhadap pengkonsepan kajian, metodologi, analisis data, tafsiran dapatan dan penyediaan manuskrip. Syaimak Ismail @ Mat Yusoff menyumbang kepada kerangka konseptual, sorotan literatur, pembangunan instrumen dan semakan akademik manuskrip. Nur Fatin Nabilah Shahrom bertanggungjawab terhadap pengumpulan, pengurusan dan pengesahan data. Nurliyana Mohd Talib menyumbang kepada analisis data, tafsiran dapatan dan perbincangan kajian. Noraini Ismail menyumbang kepada semakan kritikal manuskrip, penambahbaikan kandungan akademik, rujukan dan penyuntingan bahasa. Nurul Farhana Yahaya bertanggungjawab terhadap semakan akhir manuskrip, penyelarasan format dan proses penyerahan artikel. Semua pengkaji telah memberikan sumbangan yang signifikan terhadap kajian ini, membaca dan meluluskan versi akhir manuskrip serta bersetuju untuk bertanggungjawab terhadap ketepatan dan integriti kandungan artikel ini.

Rujukan

- Ab Rahman, A., Romli, A. B., Abd Shakor, M. F., Daud, M. N., & Matali, A. (2024). Amalan wakalah pengurusan zakat di institusi pengajian tinggi Malaysia: Practise of the wakalah in zakat management at Malaysia higher education institutions. *Journal of Fatwa Management and Research*, 29(3), 80–89.
- Ab Rahman, A., Sukari, A., & Omar, S. M. N. S. (2022). The use of zakat logo in optimizing corporate zakat collection according to Maqasid Syariah: Penggunaan logo zakat dalam mengoptimumkan kutipan zakat korporat menurut Maqasid Syariah. *Al-Qanatir: International Journal of Islamic Studies*, 25(2), 13–26.
- Abd Rahim, N. F. F., Muhammad, F., Razak, A. A., Shaarani, A. Z. M., Hussin, M. Y. M., & Awang, S. A. (2021). Konsep zakat fitrah: Tinjauan dalam kalangan mahasiswa pengajian tinggi (The concept of zakah al-fitr: A survey among higher education students). *UMRAN: Journal of Islamic and Civilizational Studies*, 8(1), 117–124.
- Abu Bakar, M. (2018). Concept of revenue, expenses and liabilities in accounting for zakat, waqf and baitulmal in Malaysia: An analysis from Shariah perspective. *International Journal of Zakat*, 3(4), 1–16.
- Adilla, N. (2021). The influence of religiosity and income on zakat awareness and interest in paying zakat. *Indonesian Interdisciplinary Journal of Sharia Economics (IIJSE)*, 4(1), 62–76.
- Afiyana, I. F., Nugroho, L., Fitrijanti, T., & Sukmadilaga, C. (2019). Tantangan pengelolaan dana zakat di Indonesia dan literasi zakat. *AKUNTABEL: Jurnal Ekonomi dan Keuangan*, 16(2), 222–229.
- Ajzen, I. (1991). The theory of planned behavior. *Organizational Behavior and Human Decision Processes*, 50(2), 179–211.
- Akmila, F., Sandy, R., & Indriyani, F. (2022). Faktor-faktor yang mempengaruhi motivasi filantropi mahasiswa melalui pembayaran zakat, infaq dan shadaqah. *Islamic Economics and Finance Journal*, 1(1), 54–72.
- Al-Bohari, M. A., & Ab Rahman, A. (2025). Pendekatan rukun keyakinan Malaysia MADANI dalam konteks warga institusi pengajian tinggi (IPT) sebagai pembayar dan penerima zakat. In *International Conference of Postgraduate Students and Academics in Syariah and Law* (Vol. 6, No. 1, pp. 244–263).
- Al-Bohari, M. A., Ab Rahman, A., & Abd Shakor, M. F. (2025). Analisis skim agihan zakat di Universiti Tenaga Nasional (UNITEN) mengikut Maqasid Syariah: Analysis of the zakat distribution scheme at Universiti Tenaga Nasional (UNITEN) according to Maqasid Syariah. *Journal of Fatwa Management and Research*, 30(1), 199–211.
- Aligarh, F., Falikhatun, F., & Nugroho, A. (2023). Zakat, infaq and shadaqah (ZIS) digitalization: A case study using technology organization environment framework. *El Dinar: Jurnal Keuangan dan Perbankan Syariah*, 11(1), 78–95.
- Amat Zainordin, N. S., Buang, A. H., Daud, M. Z., Jamaludin, M. H., & Purkon, A. (2024). Kewajipan pencarum takaful membayar zakat: Satu penilaian semula. *Jurnal Syariah*, 32(3), 397–424.
- Anam, A. K. (2024). *Analisis hukum progresif dan good corporate governance terhadap zakat profesi antara L-ZISWAF IAIN Ponorogo dan Pusat Islam Universiti Sains Malaysia* (Doctoral dissertation, IAIN Ponorogo).
- Ar'riziq, M. H., & Islamiah, M. H. (2025). Kompetensi, persepsi, dan motivasi mahasiswa manajemen zakat IAIN Kudus terhadap minat menjadi amil zakat. *Jurnal Ekonomi dan Bisnis Islam*, 3(3), 261–273.

- Asni, F., & Kamal, M. H. M. (2025). Faktor penentu kecenderungan muzakki membayar zakat melalui institusi zakat: Suatu kajian konseptual. *BITARA International Journal of Civilizational Studies and Human Sciences*, 8(3), 222–235.
- Aziz, M. R. A., Yusof, M. A., Noor, M. N. M., & Alias, M. H. (2022). Preliminary study on the status of education and its relationship with knowledge regarding online business zakat. *Al-Qanatir: International Journal of Islamic Studies*, 26(1), 15–21.
- Aziz, S. N. A., Mohd Zahid, E. S., Sumery, Z., Mearaj, M., Redzuan, M. A., & Abdul Kadir, J. (2020). Tadbir urus agihan dana zakat di UiTM Cawangan Johor: Kajian terhadap isu dan penambahbaikan pengurusan agihan. *Journal of Islamic Philanthropy and Social Finance*, 1(1), 9–22.
- Canggih, C., & Indrarini, R. (2021). Apakah literasi mempengaruhi penerimaan zakat? *Jurnal Ekonomi Syariah Indonesia*, 11(1), 1–11.
- Chua, Y. P. (2021). *Kaedah dan statistik penyelidikan: Kaedah penyelidikan* (Buku 1) (4th ed.). McGraw-Hill Education (Malaysia) Sdn. Bhd.
- Creswell, J. W., & Creswell, J. D. (2018). *Research design: Qualitative, quantitative, and mixed methods approaches* (5th ed.). SAGE Publications.
- Darmawan, J. (2023). Pengaruh keimanan, pengetahuan, akuntabilitas, dan transparansi terhadap motivasi muzakki membayar zakat: Studi kasus di Lembaga Amil Zakat Kota Bandar Lampung. *Bukhori: Kajian Ekonomi dan Keuangan Islam*, 2(2), 95–102.
- Desky, H. (2016). Analisis faktor-faktor determinan pada motivasi membayar zakat. *Al Mabhats: Jurnal Penelitian Sosial Agama*, 1(1), 1–11.
- Djasman, N., Hidayah, N. R., & Malarangen, H. (2024). Persepsi mahasiswa Fakultas Ekonomi dan Bisnis Islam Universitas Islam Negeri Datokarama Palu tentang keberadaan literasi zakat. *JIMAT (Jurnal Ilmiah Mahasiswa Akuntansi)*, 15(4), 851–860.
- Dupi, M., & Baloch, I. U. (2025). Fiqh perspectives on digital zakat: Mapping global scholarship through bibliometric analysis. *Al-Majaalis: Jurnal Dirasat Islamiyah*, 13(1), 58–76.
- Fadhila, I. M. (2017). Faktor-faktor yang mempengaruhi minat mahasiswa mengeluarkan zakat, infaq dan sedekah di LAZISWAF UNIDA Gontor. *Journal of Islamic Economics and Philanthropy (JIEP)*, 3(1), 55–68.
- Ghani, M. A., Ismail, A. G., & Othman, A. H. A. (2023). Cabaran pengurusan dan pelaporan zakat di Malaysia: Satu analisis kritikal. *Journal of Islamic Accounting and Business Research*, 14(2), 145–160.
- Hadi, M., & Khaddafi, M. (2023). Analysis of PSAK 109 implementation on zakat accounting treatment in zakat management organizations. *International Journal of Accounting and Finance Studies*, 6(1), 25–37.
- Hair, J. F., Black, W. C., Babin, B. J., & Anderson, R. E. (2022). *Multivariate data analysis* (9th ed.). Cengage Learning.
- Haryono, S., & Yusuf, M. (2025). Digital platform adoption and zakat compliance among Muslim taxpayers. *International Journal of Islamic Economics and Finance Studies*, 11(1), 77–95.
- Hashim, N. A., Mohd Noor, N. A., & Ismail, R. (2024). Tadbir urus zakat dalam institusi pengajian tinggi: Analisis terhadap kepercayaan dan kepuasan pelajar. *Journal of Islamic Philanthropy and Social Finance*, 5(2), 55–72.
- Hasbullah, M. F., Abd Rahman, A., & Omar, N. (2024). Governance practices of university zakat institutions and their impact on stakeholders' trust. *International Journal of Zakat and Islamic Philanthropy*, 6(1), 33–48.

- Hidayah, N., Kurniawan, A., & Rahman, M. F. (2023). The implementation of zakat accounting standards in Islamic charitable institutions. *Journal of Islamic Accounting and Finance*, 7(2), 98–112.
- Hidayatullah, M., & Asyari, A. (2023). The influence of zakat knowledge, religiosity and social media exposure on youth intention to pay zakat. *Jurnal Ekonomi Islam*, 14(3), 201–215.
- Hussin, N. A., & Rosli, N. A. (2019). Financial literacy among Malaysian university students: Issues and challenges. *International Journal of Academic Research in Business and Social Sciences*, 9(9), 1–12.
- Ibrahim, H., Ahmad, N., & Yusoff, M. Z. (2023). Revolusi Industri 4.0 dan transformasi pengurusan zakat di Malaysia. *Journal of Islamic Social Finance*, 4(2), 88–101.
- Imran, M. (2016). Zakat pendapatan sebagai instrumen pembangunan ekonomi umat Islam. *Jurnal Syariah*, 24(1), 45–62.
- Ismail, M. A., & Ali, N. H. (2021). Peranan penolong amil zakat dalam meningkatkan kesedaran zakat di institusi pengajian tinggi. *Journal of Contemporary Islamic Studies*, 7(1), 112–126.
- Ismail, N., & Ismail, R. (2025). Cryptocurrency and zakat accounting: Emerging issues in Islamic financial reporting. *International Journal of Islamic Economics and Finance Research*, 10(1), 50–66.
- Jamal, M. H. (2022). Zakat pendapatan dalam perspektif fiqh kontemporari: Analisis hukum dan aplikasi semasa. *Jurnal Pengajian Islam*, 15(2), 77–92.
- Kader, R. A., Rahman, S. A., & Karim, N. A. (2024). Financial literacy among higher education students in Malaysia: Determinants and implications. *Malaysian Journal of Consumer and Family Economics*, 31(1), 145–160.
- Kurniawan, A., Hidayah, N., & Wahyuni, S. (2025). Zakat accounting standards and financial accountability in Islamic charitable organizations. *Journal of Islamic Financial Management*, 9(1), 35–49.
- Lestari, D. (2025). Digital transformation in zakat management institutions: A systematic review. *International Journal of Islamic Philanthropy*, 8(1), 1–18.
- Mat, N. H., Rahman, A. A., & Salleh, M. S. (2021). Cabaran dalaman dan luaran dalam pengurusan zakat di Malaysia. *Jurnal Pengurusan dan Penyelidikan Fatwa*, 24(1), 95–108.
- Mazlan, N. A., & Shahimi, S. (2022). Literasi zakat dan pengaruhnya terhadap gelagat pembayaran zakat dalam kalangan masyarakat Islam. *Journal of Islamic Economics and Finance Research*, 5(2), 67–82.
- Mohamad, N. A., Arizan, N. A., & Asni, F. (2022). Amalan pembayaran zakat pendapatan dalam kalangan kakitangan institusi pengajian tinggi di Malaysia. *Journal of Islamic Social Finance*, 3(2), 55–70.
- Mohamed, N. H., Abd Rahman, A., & Omar, M. N. (2025). Perubahan fatwa zakat dan implikasinya terhadap kefahaman masyarakat Islam. *Journal of Fatwa Management and Research*, 30(1), 88–102.
- Mohd Taher, N. A., Yusoff, N. M., & Rahman, N. A. (2022). Hubungan input pendidikan dan output pendidikan dalam kalangan pelajar asnaf di Malaysia. *Malaysian Journal of Islamic Studies*, 6(2), 123–137.
- Mulyo, A. P., Rahman, M. A., & Yusuf, H. (2023). Digital technology and zakat management efficiency: A systematic literature review. *Journal of Islamic Economics and Development*, 8(3), 211–229.
- Murugiah, L. (2018). The level of financial literacy among university students in Malaysia. *International Journal of Business and Society*, 19(1), 1–16.

- Musta'a, M., Rahman, F., & Aziz, A. (2023). Digitalization of zakat and its influence on millennials' intention to pay zakat. *International Journal of Zakat*, 8(2), 45–58.
- Mustafa, M. Z. (2021). Peranan zakat dalam pembangunan sosioekonomi umat Islam: Satu tinjauan konseptual. *Jurnal Syariah dan Ekonomi Islam*, 12(1), 1–15.
- Nasir, N. M., Wahid, H., & Noor, M. A. M. (2021). Kesedaran dan amalan pembayaran zakat pendapatan dalam kalangan penjawat awam di Malaysia. *Jurnal Pengurusan dan Penyelidikan Fatwa*, 26(1), 45–60.
- Nor, M. N. M., Aziz, M. R. A., & Yusof, M. A. (2024). Pendigitalan sistem agihan zakat di Lembaga Zakat Negeri Kedah: Analisis keberkesanan dan cabaran. *Journal of Islamic Philanthropy and Social Finance*, 5(1), 15–30.
- Nor, N. A., Rahman, A. A., & Hashim, N. A. (2025). Bibliometric analysis of digital zakat research: Trends and future directions. *International Journal of Islamic Economics and Finance Studies*, 11(2), 145–162.
- Othman, M. S., & Hakim, N. A. (2023). Persepsi mahasiswa terhadap pengurusan zakat di institusi pengajian tinggi: Kajian di Universiti Putra Malaysia. *Journal of Islamic Social Finance*, 4(1), 67–82.
- Othman, N. H., Rahman, M. N., & Salleh, S. M. (2025). Digital transformation and empowerment of asnaf through innovative zakat management systems. *International Journal of Zakat and Islamic Philanthropy*, 7(1), 90–108.
- Pallant, J. (2020). *SPSS survival manual: A step by step guide to data analysis using IBM SPSS* (7th ed.). McGraw-Hill Education.
- Priyatna, A. (2018). Zakat sebagai instrumen keadilan sosial dalam pembangunan ekonomi Islam. *Jurnal Ekonomi Syariah Indonesia*, 8(2), 85–98.
- Purwatiningsih, D., & Yahya, M. (2020). Challenges in optimizing zakat collection and distribution in developing Muslim countries. *International Journal of Zakat*, 5(2), 27–40.
- Putri, N. A., & Suwanan, A. (2025). Generation Z and digital zakat adoption: Evidence from Muslim youth. *Journal of Islamic Economics and Finance*, 13(1), 56–73.
- Ramli, N. M., Yusof, M. A., & Ahmad, A. Z. (2021). ZakatTech: An innovation framework for strengthening zakat management in Malaysia. *Journal of Islamic Financial Innovation*, 2(1), 21–35.
- Romli, A. B., Ab Rahman, A., Abd Shakor, M. F., & Daud, M. N. (2022). Konsep wakalah dalam pengurusan zakat di institusi pengajian tinggi Malaysia. *Journal of Fatwa Management and Research*, 27(2), 55–70.
- Ruslan, N., & Md Sapir, S. (2021). Financial literacy among university students and its implications on financial behaviour. *Malaysian Journal of Consumer Studies*, 29(1), 45–60.
- Salleh, M. S., & Siraj, S. A. (2023). Amalan perakaunan zakat dalam institusi agama Islam negeri di Malaysia: Analisis perbandingan. *Journal of Islamic Accounting and Business Research*, 14(3), 201–218.
- Salleh, M. S., Siraj, S. A., & Rahman, N. A. (2023). Pengolahan perakaunan berasaskan Syariah dalam memperkukuh sistem kutipan dan agihan zakat. *Jurnal Syariah*, 31(2), 175–192.
- Saprida, S., Hidayat, M., & Fauzi, A. (2025). Contemporary debates on professional zakat: Issues and challenges. *International Journal of Islamic Studies*, 17(1), 110–125.
- Saro, N., Bhari, A., & Rani, N. A. (2022). Digitalisation process in zakat institutions and its impact on service delivery. *Journal of Islamic Management Studies*, 5(2), 61–76.

- Saro, N., Bhari, A., & Rani, N. A. (2023). Acceptance of digital zakat applications among Muslim communities. *International Journal of Islamic Economics and Finance Research*, 8(1), 40–57.
- Saunders, M., Lewis, P., & Thornhill, A. (2023). *Research methods for business students* (9th ed.). Pearson Education Limited.
- Sekaran, U., & Bougie, R. (2020). *Research methods for business: A skill building approach* (9th ed.). John Wiley & Sons.
- Septiarini, D. F. (2016). Recognition, measurement, presentation and disclosure of zakat accounting in zakat institutions. *International Journal of Zakat*, 1(2), 45–58.
- Segati, A., & Rizqon, M. (2021). Religiosity, gratitude and zakat compliance behaviour among Muslims. *Journal of Islamic Behavioural Studies*, 4(1), 88–102.
- Shaarani, A. Z. M., Muhammad, F., & Hussin, M. Y. M. (2022). Inovasi pembayaran zakat dalam era digital: Cabaran dan peluang. *UMRAN: Journal of Islamic and Civilizational Studies*, 9(2), 33–47.
- Shaarani, A. Z. M., Muhammad, F., & Hussin, M. Y. M. (2023). Contemporary issues in understanding modern zakat instruments among Muslim communities. *Journal of Contemporary Islamic Studies*, 10(1), 55–70.
- Susanto, H., Karim, A., & Rahman, M. (2024). Blockchain and digital transformation in zakat management: A bibliometric review. *International Journal of Islamic Finance Studies*, 9(3), 130–148.
- Tajuddin, M. T. H. M. (2017). Perakaunan zakat dalam sistem kewangan Islam: Konsep dan aplikasi. *Jurnal Syariah dan Perakaunan Islam*, 5(1), 1–15.
- Tarmuji, N. H., Ismail, R., & Hamzah, N. (2025). Tahap kepuasan pelajar terhadap pengurusan zakat di UiTM Cawangan Sabah. *Journal of Islamic Social Finance*, 6(1), 73–89.
- Telaumbanua, F., Nugroho, L., & Fitrijanti, T. (2020). The role of digital technology in improving zakat collection performance. *International Journal of Zakat*, 5(1), 11–24.
- Wahid, H., & Hamdani, N. (2021). Zakat profesi dalam perspektif fiqh semasa: Satu analisis konseptual. *Jurnal Syariah*, 29(1), 55–72.
- Yakob, R., Yusof, R. M., & Rahman, N. A. (2015). Financial literacy among university students in Malaysia: A preliminary study. *Asian Social Science*, 11(14), 245–252.
- Zahari, N. A., & Wahid, H. (2020). Financial literacy and spending behaviour among Malaysian university students. *Malaysian Journal of Consumer and Family Economics*, 25(1), 98–112.
- Zaki, N. M., & Ab Rahman, A. (2019). Cabaran pengurusan zakat pendidikan di institusi pengajian tinggi Malaysia. *Journal of Fatwa Management and Research*, 17(1), 85–98.
- Zuhayli, W. (2002). *Al-fiqh al-Islami wa adillatuhu*. Jil. 3. Dar al-Fikr.